



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 06 (05 FEBRUARI – 11 FEBRUARI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,967 kes berbanding 2,159 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 192 kes (8.9%). Tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 13,094 kes berbanding 4,284 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 8,810 kes (205.6%). Manakala sejumlah sembilan (9) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding tiada kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sebanyak 86 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 82 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 50 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 22 lokaliti hotspot di Sabah, 11 lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan tiga (3) lokaliti hotspot di Pulau Pinang.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 14 kes pada minggu ke-06 dengan lima (5) kes dari Pulau Pinang, tiga (3) kes dari Kedah dan masing-masing dua (2) kes dari Perak, Selangor dan WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes

chikungunya sehingga kini adalah 86 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 284 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sebelum memulakan perjalanan balik kampung atau bercuti semasa cuti persekolahan, beberapa langkah perlu diambil agar tiada tempat pembiakan nyamuk di dalam dan persekitaran rumah berikutan peningkatan curahan hujan ketika. Pastikan tiada air bertakung pada alat penapis air dan bekas jambangan bunga serta tutup rapat bekas penyimpanan air. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam pam dan mangkuk tandas.

Pastikan persekitaran luar rumah bebas dari bekas yang boleh menakung air, contohnya barang hiasan yang boleh menakung air, bekas makanan atau minuman haiwan peliharaan, alas pasu dan alat permainan kanak-kanak. Bersihkan, keringkan dan simpan bekas-bekas tersebut sekiranya masih digunakan serta lupuskan barang lusuh/ sampah yang ada di persekitaran rumah secara berhemah. Semasa berada di kampung atau tempat percutian, pakai pakaian yang menutup anggota badan sekiranya melakukan aktiviti luar terutamanya pada awal pagi dan lewat petang serta gunakan repelan bagi mengelakkan daripada terkena gigitan nyamuk. Pelbagai informasi berkaitan denggi termasuk statistik terkini denggi dapat diakses di laman sesawang <https://idengue.mysa.gov.my/>. Awas, denggi tidak mengenal mangsa. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
17 Februari 2023